

17 Mei 2013

Rempuh palang tol

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida.idros@kosmo.com.my

ALOR SETAR – Seorang lelaki bertindak merempuh palang tol semata-mata hendak melarikan diri selepas cemas apabila cubaannya untuk menyeludup 28.8 kilogram syabu bernilai RM6.3 juta dapat dihidu oleh dua anggota polis yang memeriksa kenderaannya Selasa lalu.

Kejadian di Kilometer 22 Lebuhraya Utara-Selatan dekat Kampung Natoi, Kubang Pasu pukul 11.30 pagi itu berlaku apabila anggota polis berkenaan bertindak menahan kereta jenis Proton Wira dipandu suspek sebelum memeriksa kad pengenalan dan lesen memandunya.

Timbalan Ketua Polis Kedah, Datuk Abdul Ghafar Rajab berkata, suspek bagaimanapun bertindak masuk ke dalam keretanya dan terus memecut laju ke arah Selatan ketika anggota berkenaan hendak memeriksa ruang penyimpanan barang.

“Suspek kemudian bertindak merempuh palang tol sebelum meninggalkan keretanya di tepi jalan selepas melarikan diri kira-kira lapan kilometer berhampiran Kampung Hilir, Jitra.

“Polis yang melakukan pemeriksaan di dalam but kereta kemudian menemui dua beg mengandungi 14 bungkusan syabu seberat 28.8 kilogram bernilai RM6.3 juta. Siasatan awal percaya dadah itu dibawa masuk dari negara jiran untuk pasaran di Kuala Lumpur,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



ABDUL GHAFAR menunjukkan sebahagian syabu yang dirampas selepas memeriksa sebuah kereta yang ditinggalkan oleh seorang lelaki pada sidang akhbar di Alor Setar semalam.